

**PERMASALAHAN ETIKA ZAMAN KESULTANAN
MELAYU MELAKA: KAJIAN KES SULTAN
MAHMUD SYAH (1488 – 1511)**



MOHAMAD AQIL AZIZ BIN TUAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**PERMASALAHAN ETIKA ZAMAN KESULTANAN
MELAYU MELAKA: KAJIAN KES SULTAN
MAHMUD SYAH (1488 – 1511)**

MOHAMAD AQIL AZIZ BIN TUAH

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2022**

PENGESAHAN

JUDUL : **PERMASALAHAN ETIKA ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA: KAJIAN KES SULTAN MAHMUD SYAH (1488 – 1511)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **MOHAMAD AQIL AZIZ BIN TUAH** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

TERHAD


/

TIDAK
TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,



MOHAMAD AQIL AZIZ BIN TUAH
BA19110168




EKO PRAYITNO JOKO
Pensyarah Program Sejarah
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah

(EN. EKO PRAYITNO JOKO)
PENYELIA

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Permasalahan Etika Zaman Kesultanan Melayu Melaka: Kajian Kes Sultan Mahmud Syah (1488 – 1511) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



MOHAMAD AQIL
AZIZ BIN TUAH
BA19110168



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah taala yang Maha Berkuasa, kerana dengan limpah kurnia yang diberikan melalui kesabaran dan kesihatan yang baik, maka dapatlah saya menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini.

Pertamanya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada En. Eko Prayitno Joko, selaku penyelia kepada penulisan latihan ilmiah saya. Beliau telah banyak meluangkan masa untuk membimbing saya dengan penuh kesabaran yang tidak henti-henti. Pelbagai idea dan kritikan yang diberikan beliau sepanjang penulisan ini berlangsung. Tujuannya tidak lain adalah bagi memastikan penulisan yang saya hasilkan sentiasa berada pada landasan yang betul dan tidak tersasar. Banyak masa yang telah beliau luangkan dalam memimpin saya dan rakan-rakan yang lain dibawah seliannya dengan pelbagai peringatan agar sentiasa peka dan melakukan penulisan ini dengan teliti. Bagi memastikan pembacaan yang meluas untuk memantapkan kajian, beliau sering mencadangkan dan memberi sendiri bahan-bahan bacaan tersebut. Tanpa sumbangan dan komitmen yang diberikan, maka kajian ini tidak mungkin dapat disiapkan berdasarkan masa yang telah ditetapkan.

Dalam pada itu, sekalung penghormatan yang tidak terhingga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya, En. Tuah Bin Hassan dan Pn. Latipah Bte Ab Ghani yang telah menyumbang sokongan, sama ada dari segi mental, fizikal dan ekonomi sepanjang menyiapkan latihan ini. Tidak dilupakan kepada adik beradik saya, Nur Aqilah dan Mohd Aqil Asyraf yang menyumbang dorongan dan nasihat yang tidak putus-putus bagi memastikan semangat saya tidak luntur. Terima kasih juga kepada rakan seperjuangan saya di bawah seliaan En. Eko Prayitno Joko, iaitu Healvader Septpraise, Nur Lailah, Jereny, Liyana, Octivia dan Ordilia yang banyak membantu proses penyiapan latihan ilmiah ini. Dikesempatan ini juga, tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat saya, Nur Mohd Hafizan, Muhammad Azri, Syed Ainuddin Azmi serta serta sahabat yang lain, tidak kira yang berada dekat dan yang jauh, yang sudi bertukar ilmu pengetahuan, semangat, kritikan dan idea bernas sepanjang penulisan ini dijalankan. Segala sokongan dan bantuan yang diberikan, adalah sangat membantu saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini dengan sebaiknya. Akhir kata, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, pengorbanan anda semua hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya. Harapan saya kepada kajian ini ialah, semoga latihan ilmiah yang telah terhasil ini sedikit sebanyak dapat memberikan manfaat kepada saya, pengkaji dan ahli akademik lain yang membacanya.

MOHAMAD AQIL AZIZ BIN TUAH.
12 OGOS 2022.

ABSTRAK

Kajian ini menyentuh tentang falsafah etika pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan memfokuskan kepada keperibadian Sultan Mahmud sebagai subjek kajian. Dalam konteks ini, perbincangan berkenaan persoalan etika dalam memahami sejarah politik tradisional belum begitu meluas diwacanakan dan memerlukan kajian terperinci serta bersifat kekinian untuk dilakukan. Perkara ini semakin mendesak sifatnya memandangkan permasalahan etika era Kesultanan Melayu Melaka sering dikonotasikan sebagai suatu yang bersifat negatif khususnya yang melibatkan keperibadian Sultan Mahmud. Oleh sebab itu, satu kajian terbaharu perlu dijalankan bagi mendapatkan gambaran keseluruhan yang lebih adil agar pemaknaan sedia ada dapat dibenarkan atau ditolak berdasarkan fakta serta interperetasi baharu. Atas keperluan ini menyebabkan tiga objektif telah dimunculkan antaranya (i)membahaskan falsafah etika semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, (ii)mengenal pasti permasalahan etika yang disandarkan kepada Sultan Mahmud Syah dan (iii)menjelaskan pandangan sarjana berkenaan permasalahan etika Sultan Mahmud Syah. Matlamat ini berusaha dicapai dengan menggunakan metodologi kajian bersifat kualitatif berdasarkan kajian kepustakaan yang mengumpulkan sumber primer dan sekunder sejarah. Misalnya sumber primer seperti *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* atau sumber daripada Portugis. Pengkaji juga mendapatkan bahan sekunder seperti buku atau artikel yang ditulis sarjana sains sosial dan kemanusiaan yang diperolehi secara atas talian atau di perpustakaan. Penyelidikan juga dilakukan dengan melakukan kaedah temu bual terhadap salah seorang sarjana sains sosial dan kemanusiaan. Hasil dapatan kajian ini ialah, falsafah etika Kesultanan Melayu Melaka dipengaruhi oleh pengaruh feudalisme dan raja berkuasa mutlak. Kedua, masyarakat Melayu diikat dengan daulat dan derhaka, patriotisme, kesetiaan dan ketaatan kepada raja dan sifat malu. Panduan etika terhadap Sultan sebenarnya wujud, seperti pematuhan terhadap waadat, wasiat para sultan, Undang-Undang Melaka, dan pengaruh agama dan adat. Namun, kewujudannya tidak menghalang permasalahan etika berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, terutama Sultan Mahmud Syah. Permasalahan etika Sultan Mahmud Syah dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti masalah keperibadian, keobesesan terhadap wanita, menghukum secara tidak adil dan lain-lain. Permasalahan etika ini akhirnya membentuk saintis sains sosial dan kemanusiaan kepada dua golongan. Pertama ialah golongan revolusioner yang menjustifikasikan etika baginda. Mereka juga menolak kejatuhan kota Melaka kerana etika baginda. Golongan kedua ialah tradisional, yang mengkritik etika baginda serta mengaitkan kejatuhan Melaka dengan etika baginda.

Kata Kunci: Falsafah Etika, Etika Kesultanan Melayu Melaka, Etika Sultan Mahmud Syah, Tradisionalis, Revolusioner

ABSTRACT

This study touches on the philosophy of ethics during the Malacca Malay Sultanate by focusing on the personality of Sultan Mahmud as the subject of the study. In this context, the debate regarding ethical issues in understanding traditional political history has not been widely discussed and requires a detailed and contemporary study to be done. This matter is increasingly urgent considering that the ethical issues of the Malacca Malay Sultanate era are often connoted as negative, especially those involving the personality of Sultan Mahmud. For this reason, a recent study needs to be conducted to get a fairer overview so that existing interpretations can be approved or rejected based on new facts and interpretations. Due to this need, three objectives have emerged including (i) discussing ethical philosophy during the rule of the Malay Sultanate of Melaka, (ii) identifying the ethical problems attributed to Sultan Mahmud Syah and (iii) clarifying the views of scholars regarding the ethical problems of Sultan Mahmud Syah. This goal is achieved by using a qualitative research methodology based on literature research that gathers primary and secondary sources of history. For example, primary sources such as Sulalatus Salatin or Sejarah Melayu or sources from the Portuguese. The researcher also obtained secondary materials such as books or articles written by social science and humanities scholars obtained online or in the library. The research was also done by interviewing one of the social science and humanities scholars. The result of this study is that the ethical philosophy of the Malay Sultanate of Malacca is influenced by feudalism and absolute king. Second, the Malay community is bound by sovereignty and rebellion, patriotism, loyalty and obedience to the king and shyness. Ethical guidelines for the Sultan actually exist, such as compliance with waadat, the will of the sultans, Melaka Laws, and the influence of religion and customs. However, its existence did not prevent ethical problems from occurring during the Malacca Malay Sultanate, especially Sultan Mahmud Syah. Sultan Mahmud Syah's ethical problems can be divided into several parts such as personality problems, obsession towards women, punishing unfairly and others. This ethical problem ultimately forms social science and humanities scientists into two groups. First is the revolutionary group that justifies his majesty's ethics. They also rejected the fall of the city of Malacca because of his majesty's ethics. The second group is traditionalists, who criticize his ethics and associate the fall of Malacca with his ethics.

Keywords: *Philosophy of Ethics, Ethics of the Malacca Malay Sultanate, Ethics of Sultan Mahmud Syah, Traditionalist, Revolutionary*

KANDUNGAN

HALAMAN

TAJUK		i
PENGESAHAN		ii
PENGAKUAN		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRAC		vi
SENARAI KANDUNGAN		vii
SENARAI RAJAH		ix
SENARAI FOTO		x
SENARAI LAMPIRAN		
BAB 1:	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Permasalahan kajian	3
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Sorotan Literatur	5
	1.5 Kepentingan Kajian	8
	1.6 Skop Kajian	9
	1.7 Metodologi Kajian	11
	1.8 Pembahagian Bab	12
	1.9 Kesimpulan	14
BAB 2:	FALSAFAH ETIKA KESULTANAN MELAYU MELAKA	15
	2.1 Pendahuluan	15
	2.2 Definisi Etika	16
	2.2.1 Pemaknaan Etika: Suatu Perbahasan	17
	2.3 Pemaknaan Etika Era Kesultanan Melayu Melaka	17
	2.3.1 Budaya Feudalisme dan Raja Berkuasa Mutlak	21
	2.3.1 Sifat Rakyat Masyarakat Melayu	30
	2.4 Pedoman Etika Kehidupan Beraja Zaman Kesultanan Melayu Melaka	38
	2.4.1 Waadat	38
	2.4.2 Wasiat	41
	2.4.3 Undang-Undang Melaka	43
	2.4.4 Pengaruh Agama dan Adat	45
	2.5 Permasalahan Etika Masyarakat Kesultanan Melayu Melaka	49
	2.5.1 Rakyat Bawahan dan Pembesar	49
	2.5.2 Para Sultan	50
	2.6 Kesimpulan	55
BAB 3:	PERMASALAHAN ETIKA SULTAN MAHMUD SYAH I	56
	3.1 Pendahuluan	56
	3.2 Latar Belakang Sultan Mahmud Syah I	57
	3.3 Permasalahan Etika Sultan Mahmud Syah: Satu Kesenambungan Sejarah	60
	3.3.1 Masalah Keperibadian	61

3.3.2	Kekerasan Terhadap Pedagang dan Kerajaan Luar	62
3.3.3	Keobsesan Terhadap Wanita	64
3.3.4	Menjatuhkan Hukuman secara Tidak Adil	73
3.4	Kesimpulan	79
BAB 4:	WACANA ETIKA SULTAN MAHMUD SYAH DALAM PANDANGAN SARJANA	80
4.1	Pendahuluan	80
4.2	Dua Kelompok Sarjana dalam Menanggapi Etika Sultan Mahmud Syah	80
4.2.1	Kelompok Revolusioner	84
4.2.2	Kelompok Tradisionalis	97
4.3	Kesimpulan	115
BAB 5	RUMUSAN	117
BIBLIOGRAFI		123
LAMPIRAN		132



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 3.1	: Hierarki Masyarakat Kesultanan Melayu Melaka	26
-----------	--	----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	HALAMAN
Foto 1.1 : Kawasan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka	10
Foto 2.1 : Ilustrasi pertarungan Hang Tuha dan Hang Jebat	36
Foto 2.2 : Empat perintah kepada sultan dalam Undang-Undang Melaka	43
Foto 3.1 : Ilustrasi pertempuran antara rakyat Melaka dan Portugis	59
Foto 3.2 : Ilustrasi Alfonso de Albuquerque	63
Foto 3.3 : Gunung Ledang yang terletak di Tangkak, Johor disandarkan dengan kisah peminangan Puteri Gunung Ledang.	70
Foto 3.4 : Catatan Tome Pires ada menyentuh berkenaan Sultan Mahmud Syah.	78
Foto 4.1 : Azmi Arifin, Pensyarah Sejarah di Universiti Sains Malaysia	85
Foto 4.2 : Mendiang Cheah Boon Kheng (1939 – 2015)	99
Foto 4.3 : Lukisan kota Melaka setelah berada di bawah pentadbiran Portugis	111

SENARAI LAMPIRAN

	HALAMAN
Lampiran A : Temu bual bersama Azmi Arifin, pensyarah kanan sejarah Universiti Sains Malaysia	132
Lampiran B : Versi-versi <i>Sulalatus Salatin</i> atau <i>Sejarah Melayu</i> rujukan pengkaji	133
Lampiran C : Naskah Undang-undang Melaka versi <i>Biblioteca Apostolica Vaticana</i>	135
Lampiran D : Antara sumber primer Portugis yang dirujuk	137
Lampiran E : Perpustakaan yang dilawati pengkaji dalam mendapatkan bahan yang diperlukan.	138
Lampiran F : Laporan Turnitin	139



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kesultanan Melayu Melaka adalah sebuah kerajaan di Asia Tenggara, disinggahi oleh ramai pedagang dunia kerana kedudukannya yang strategik dan tenang tanpa gangguan angin monsun, sebagaimana yang digambarkan Tome Pires, "*the world has need of its port, for it is at the end of two monsoons.*"¹ Kelebihan ini membawa Melaka sebagai salah sebuah pelabuhan perdagangan terbesar pada abad ke-15 dan ke-16 Masihi di Timur kerana dilawati sekitar 60 pedagang dari pelbagai kerajaan dunia dalam satu-satu masa. Situasi ini telah menyumbang kepada kepelbagaian bangsa di Melaka sehingga 84 bahasa telah dipertuturkan.² Salah seorang pemerintah kesultanan Melayu ini ialah Sultan Mahmud Syah. Susunan kedudukan beliau dalam senarai sultan-sultan masih diperdebatkan namun beliau merupakan sultan yang sangat masyhur, dengan kisah-kisahnyanya yang mendominasi sebahagian besar *Sulalatus Salatin* serta dicatatkan dalam sumber Portugis seperti laporan yang dikeluarkan Damiao De Goes, Joe De Barros dan lain-lain. Paparan yang dipaparkan dalam kumpulan laporan daripada Portugis boleh dikatakan antara deskripsi terawal yang menyentuh berkenaan etika Sultan Mahmud Syah, apabila baginda digambar seorang penindas, lemah dan lain-lain.³

Kejatuhan kota Melaka berlaku pada 1511, telah dikaitkan dengan etika Sultan Mahmud Syah sepanjang pemerintahannya yang melanggar hukum syarak.

¹ Luis Filipe F. Reis Thomaz, *Early Portuguese Malacca*, Lisbon: Penguins Books, 2000, hlm. 19 - 20.

² Farhana Shuhaimi, *Tasjil Anis Salatin: Rahsia Agung Melaka*, Selangor: Patriots Publication, 2018, hlm. 105 – 107.

³ M. J. Pintado (penterjemah), *Portuguese Documents on Malacca from 1509 to 1511*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2012, hlm. 119, 163, 157

Perbahasan ini sangat meluas dalam kalangan sarjana misalnya oleh Cheah Boon Kheng pada 1998. Etika baginda yang menimbulkan persoalan berlaku setiap kali pembacaan *Sulalatus Salatin* dilakukan, telah dipertegaskan oleh beberapa sarjana kerana melanggar panduan etika yang seharusnya dirujuk sultan, antaranya wasiat yang akhirnya membawa kepada kejatuhan Melaka.⁴ Perbincangan tidak terhenti setakat ini, apabila Azmi Arifin pada 2020 melawan hujah-hujah penulis tersebut. Walaupun beliau bukanlah sarjana pertama yang cuba menjustifikasikan beberapa permasalahan etika baginda, namun artikelnya satu-satunya dilihat berfokus dan kritis bagi menjawab isu ini. Akhirnya, perbincangan berkenaan etika baginda menjadi semakin hangat tanpa menemui hujungnyanya.

Tegasnya, kajian ini adalah bagi mengkaji etika yang disandarkan kepada Sultan Mahmud Syah. Etika yang dibentangkan pelbagai sumber nyatanya telah memaparkan terlalu banyak permasalahan di bawah pemerintahan baginda. Ianya menimbulkan persoalan kajian terhadap falsafah etika zaman tersebut, termasuk berkenaan wujud atau tidak panduan yang bertindak sebagai kawalan kepada sultan. Hal ini dikatakan demikian kerana, permasalahan etika sultan dilihat begitu mudah berlaku terhadap orang sekelilingnya. Perkara ini memerlukan pemerhatian dalam mengenal pasti jenis panduan pada zaman tersebut untuk dijadikan kayu ukur etika para sultan. Persoalan tersebut nyatanya membawa pengkaji kepada persoalan baru iaitu, jika wujud panduan tersebut pada era Kesultanan Melayu Melaka, sejauh mana keakuran sultan terhadap panduan tersebut.

Dengan adanya kisah-kisah permasalahan etika yang tidak kurang banyaknya, maka ianya akan menimbulkan persoalan mengenai bagaimana atau apakah pandangan para saintis sains sosial dan kemanusiaan yang telah melakukan kajian terperinci berkenaannya. Maka, adalah penting untuk mengetahui pandangan para sarjana yang terbahagi kepada golongan revolusioner dan tradisional berkenaan hal ini memandangkan kisah-kisah etika lain para raja di dunia seperti Sultan Aurangzeb Alamgir di India turut mendapat perbincangan yang kritis oleh dua kelompok. Dalam isu etika Sultan Mahmud Syah, maka perbincangan yang sama

⁴ Salihahs Razak, Arba'ie Sujud, Salmah Jan Noor Muhammad dan Adi Yasran Abdul Aziz, Pelaksanaan Amanah dalam Naskah *Sulalatus Salatin*, *Journal Sains Sosial*, Jilid 2, 2017: 48 - 49.

dalam dua kelompok ini telah berlaku dan memerlukan pengkaji bagi meneliti satu persatu tulisan mereka untuk dianalisis, sebelum melakukan tapisan terhadap kritikan dan pujian tersebut.

1.2 Permasalahan Kajian

Pemilihan kata 'etika' berbanding 'moral' dilakukan pengkaji kerana etika adalah perbincangan terhadap moral sedangkan moral melambangkan pemaknaan sempit iaitu pegangan masyarakat semata tanpa menimbulkan persoalan dan perbincangan. Etika ialah tindakan mengkaji serta menimbulkan persoalan terhadap pelbagai perkara, antaranya termasuklah soal tabiat, pemikiran, kelakuan, tatasusila, dan lain-lain. Ianya menentukan persembahan seseorang dalam menjalankan tanggungjawab, menguruskan kebebasan, amanah, nafsu, tujuan, dan lain-lain.⁵ Menyentuh berkenaan etika Sultan Mahmud Syah, ianya berkait rapat dengan kajian moral baginda dalam pelbagai sumber yang telah disandarkan kisah-kisah tersebut terhadap baginda. Pemilihan perkataan 'disandarkan' memberi ruang penerimaan atau mempertikaikan kisah-kisah etika tersebut berdasarkan kajian atau kebergantungan terhadap penelitian sarjana lain yang telah melakukan pemerhatian dan kajian mendalam. Hal ini dikatakan demikian kerana, kisah-kisah itu perlu diteliti kesahihannya. Tambahan lagi, terdapat beberapa sandaran kisah itu yang saling bertentangan atau memiliki kelemahan serta kelompongannya tersendiri. Kisah-kisah etika baginda ini, jika dilihat memiliki sekurang-kurangnya sedikit dukungannya daripada sumber asal, maka akan dimasukkan pengkaji dalam kajian ini.

Perbincangan persoalan etika Sultan Mahmud Syah pula memerlukan pemahaman yang jitu dengan pegangan moral pada zaman tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, tindakan membandingkan etika masa lalu dengan etika masa kini adalah satu hal yang tidak wajar dilakukan, mengikut sebahagian besar sejarawan. Konflik yang dihadapi ialah wujudnya pertentangan dalam mengkaji panduan etika yang wujud untuk golongan diraja sebagai kayu ukur sesuatu

⁵ Kamal Azmi Abd Rahman, Indrianty Ismail dan Mohd. Nasir Omar, Kecelaruhan Nilai dalam Falsafah Etika, *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam, KUIS*, Jilid 8(1), 2015, hlm. 134.

perbuatan. Namun, ianya bertentangan dengan pendedahan umum selama ini bahawa sultan Melaka disandarkan dengan kuasa mutlak dan bebas dari keterikatan undang-undang. Penelitian terperinci perlu dilakukan bagi melihat faktor kelonggaran sultan dalam mematuhi panduan etika tersebut. Menurut Liaw Yock Fang, terdapat panduan etika kepada sultan apabila undang-undang Melaka pada fasal pertama itu adalah syarat kepada sultan untuk menjadi raja.⁶

Perbincangan saintis sains sosial dan kemanusiaan, iaitu revolusioner dan tradisional merupakan bahagian paling penting untuk diteliti pengkaji. Sebagaimana yang diketahui, menjatuhkan hukuman moral atau menjustifikasikan moral Sultan Mahmud Syah dalam kalangan sarjana merupakan perkara yang tidak mampu dilelakkan. Kedua pihak memaparkan perkara yang berbeza yang memerlukan pengkaji untuk bersifat kritis dalam menimbang kedua pandangan sarjana sains sosial dan kemanusiaan untuk dianalisis. Misalnya, dalam kisah pembunuhan Raja Zainal, satu pihak seperti Awang Asbol Bin Mail dan rakannya menggambarkannya sebagai bukti penyalahgunaan kuasa oleh Sultan Mahmud Syah⁷, namun dalam pihak lain seperti, Azmi Arifin, ianya sebagai bukti keadilan terhadap kemungkar yang dilakukan Raja Zainal.⁸

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif berkenaan perihal etika Sultan Mahmud Syah (1488 – 1511) dalam perbincangan sarjana sains sosial dan kemanusiaan. Objektif-objektif itu adalah:

⁶ Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2016, hlm. 73.

⁷ Awang Asbol Bin Mail, Ramlee Bin Tinkong dan Nur Syazwani Binti Md Suif, The Issue of Justice and Injustice in Malacca Sultanate, 1400 – 1511 AD, *Susurgalur: Jurnal Kajian Sejarah dan Pendidikan Sejarah*, Jilid 6(1), 2018: 18.

⁸ Temu bual bersama Azmi Ariffin, Pensyarah Sejarah di Universiti Sains Malaysia pada 24 April 2022.

1. Membahaskan falsafah etika semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
2. Mengenal pasti permasalahan etika yang disandarkan kepada Sultan Mahmud Syah.
3. Menjelaskan pandangan-pandangan sarjana berkenaan permasalahan etika Sultan Mahmud Syah.

1.4 Sorotan Literatur

Bagi memastikan kajian ini dilakukan tidak berulang dengan kajian yang lain, pembacaan meluas dilakukan terhadap kajian-kajian lepas untuk mendapatkan keselarasan dengan pengkaji-pengkaji lain berkenaan tajuk yang ingin dikaji. Kebergantungan pengkaji terhadap kajian lepas adalah sangat penting bagi mendapatkan gambaran awal kajian berkenaan etika Sultan Mahmud Syah yang menjadi perbincangan utama kajian ini. Tegasnya, terdapat beberapa kajian lepas telah dijadikan sebagai rujukan.

Awang Asbol Bin Mail, Haji Ramlee Bin Tinkong, & Nur Syazwani Binti Md Suif dalam penulisannya "*The Issue of Justice and Injustice in Malacca Sultanate, 1400 – 1511 AD*" merupakan kajian berkenaan keadilan dan ketidakadilan yang berlaku di Melaka yang menyentuh secara luas, iaitu yang berlaku kepada para sultan serta pembesarnya. Antara yang disentuh ialah berkenaan kes perebutan kuasa Raja Kassim dan Raja Ibrahim dengan campur tangan Raja Rokan dan Puteri Rokan, pertarungan Hang Tuah [*sic*]⁹ dan Hang Jebat berdasarkan ketidakadilan Sultan Mansur Syah dan ketidakadilan pertimbangan Hang Tuah serta beberapa masalah etika Sultan Mahmud Syah. Artikel ini diimbangi dengan senarai keadilan zaman Melaka, terutama zaman Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Alauddin Syah. Artikel ini merupakan kajian pencetus kepada idea latihan ilmiah ini untuk mengkaji berkenaan

⁹ Untuk keterangan lebih lanjut berkenaan perkara ini, sila rujuk perbincangan ini pada halaman 52.

permasalahan etika namun kali ini hanya tertumpu kepada seorang sultan iaitu Sultan Mahmud Syah sahaja.¹⁰

Azmi Arifin pula dalam tulisannya 'Konflik Antara Sultan Mahmud Syah dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir dan Kejatuhan Kota Melaka' pula memaparkan perspektif berbeza yang tidak mendominasi arena perbincangan berkenaan etika Sultan Mahmud Syah yang sering dipaparkan satu sisi sahaja iaitu sisi 'jahatnya'. Dalam artikel ini, Azmi Arifin cuba memutarakan naratif yang popular sedia ada. Kali ini beliau sedia upaya memaparkan bagaimana Tun Mutahir adalah penjahat sebenar manakala Sultan Mahmud Syahlah mangsanya. Artikel ini cuba membidas tuduhan Kejatuhan Melaka iaitu kaitan yang dikaitkan dengan baginda dengan memaparkan faktor lain yang lebih dominan.¹¹ Artikel ini menjadi pencetus kepada pengkaji untuk melakukan pengumpulan pandangan sarjana kedua belah pihak, iaitu golongan yang menjustifikasikan dan golongan yang mengkritik. Ianya bertujuan agar pembaca dapat menilai dan memiliki pendirian tersendiri berdasarkan hujah yang paling kuat antara keduanya.

Kemudian, buku yang ditulis Wan Nohd Nor Wan Daud & Tatiana A. Denisova yang bertajuk "Patriotisme dan Ketatanegaraan". Buku ini tidak hanya tertumpu kepada zaman Melaka, ianya merupakan satu perbincangan sejak abad ke-13 berkenaan masyarakat Melayu yang terdedah kepada konsep patriotisme mereka sendiri. Ianya adalah interaksi rakyat Melayu dalam menunjukkan kesetiaan mereka berdasarkan pelbagai teks seperti *Hikayat Raja Pasai* dan bahkan di dalam *Sejarah Melayu*. Buku ini merupakan buku penting kepada pengkaji terutama dalam memahami falsafah etika Kesultanan Melayu Melaka menerusi kesetiaan mereka terhadap raja. Kesetiaan tersebut dapat mempengaruhi kepada tahap penerimaan pelbagai kesalahan etika yang dilakukan sultan. Perkara ini sekaligus memberi

¹⁰ Awang Asbol Bin Mail, Ramlee Bin Tinkong dan Nursyazwani Binti Md Suif. 2018. The Justice and Injustice in Malacca Sultanate, 1400 – 1511 AD. *Susurgalur: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*. Vol. **6**(1). 1-26.

¹¹ Azmi Arifin. 2020. Konflik antara Sultan Mahmud Syah dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir dan Kejatuhan Kota Melaka 1511. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Jilid **13**(1). 25-62

gambaran bagaimana sikap masyarakat Melayu itu sendiri yang boleh menjadi kepada pendorong permasalahan etika Sultan Mahmud Syah.¹²

Seterusnya ialah kajian oleh Liaw Yock Feng dalam bukunya, '*Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut*'. Kepentingan buku ini ialah, selain keistimewaannya yang memiliki penerangan terperinci berkenaan Undang-Undang Melaka versi *Biblioteca Apostolica Vaticana*, iaitu versi terawal yang ditemui yang telah memungkinkan kadar ketepatan yang lebih tinggi. Kajian ini turut mengumpulkan dua teks asal tersebut di dalam buku serta transkripsinya. Bagi mengelakkan salah faham pengkaji terhadap teks asal dan transkripsi, maka pengkaji telah merujuk ulasan teks asal Liaw Yock Feng perenggan demi perenggan pada halaman 217 hingga 248. Buku ini penting dalam memahami falsafah etika Kesultanan Melayu Melaka kerana, ianya salah satu panduan etika kepada sultan dalam mengawal moralnya. Misalnya jika diteliti pada undang-undang ini, penyebutan berkenaan ciri etika sultan yang perlu dipatuhi, dapat dilihat di transkripsi pada halaman 108, dan teks asal pula pada halaman 30.

Seterusnya, Salihahs Razak, Arba'ie Sujud, Salmah Jan Noor Muhammad dan Yasran Abdul Aziz pula telah menulis artikel mereka yang bertajuk "Perlaksanaan Amanah dalam Naskah *Sulalatus Salatin*". Tulisan mereka ini memaparkan salah satu pedoman etika kepada sultan iaitu melalui wasiat yang ditinggalkan oleh sultan dan pembesar semasa geringnya. Keistimewaan artikel ini ialah ianya dilengkapi jadual dalam membandingkan wasiat yang diberikan dengan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan tersebut kepada sultan yang dibebani untuk melaksanakan amanah-amanah itu. Berdasarkan pemerhatian, terdapat wasiat yang dilaksanakan seperti Sultan Alauddin Riayat Syah dan terdapat wasiat yang dilanggar oleh sultan Melaka seperti Sultan Mahmud Syah.¹³ Artikel ini penting kerana ianya membantu penulis

¹² Wan Mohd Nor Wan Daud dan Tatiana A. Denisova. 2015. *Patriotisme dan Ketatanegaraan*. Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan BTN.

¹³ Salihahs Razak, Arba'ie Sujud, Salmah Jan Noor Muhammad dan Yasran Abdul Aziz. 2019. Perlaksanaan Amanah dalam Naskah *Sulalatus Salatin*. *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal and Social Science*. Jilid. 2(1). 36-54.

dalam memahami salah satu pedoman etika kepada raja yang telah disandarkan sebagai "mutlak" dan tidak terikat kepada undang-undang.

Akhir sekali ialah tulisan Cheah Boon Kheng yang bertajuk "*The Rise and Fall of the Great Melakan Empire: Moral Judgement in Tun Bambang's "Sejarah Melayu"*". Artikel ini sangat penting kerana di sinilah wujudnya pandangan Cheah Boon Kheng bahawa kejatuhan Melaka adalah balasan daripada Tuhan kerana melanggar hukum syarak. Beliau telah menguatkan hujahnya berdasarkan rujukan kepada *Sejarah Melayu* oleh pengarangnya yang dilihat menekankan kejatuhan Melaka disebabkan oleh balasan tuhan kerana wujudnya ancaman tersebut berkali-kali dalam wasiat yang ditinggalkan sultan.¹⁴ Artikel ini penting bagi melihat sisi penerimaan kejatuhan Melaka kerana pengaruh etika Sultan Mahmud Syah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini memiliki beberapa kepentingannya. Pertamanya adalah bagi memperkaya bahan rujukan dan sumber bacaan sejarah, terutama berkaitan Kesultanan Melayu Melaka yang luas perbincangannya, salah satunya termasuklah berkenaan kajian pengkaji ini, iaitu Sultan Mahmud Syah, yang memerintah dari 1488 hingga 1511. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian berkenaan Kesultanan Melayu Melaka sering tertumpu kepada perbincangan ekonomi, sosial dan politik semata. Oleh itu, dengan adanya kajian ini, maka ianya melibatkan satu sisi perbincangan berkenaan falsafah etika yang jarang difokuskan dengan lebih mendalam. Perbincangan berkenaan falsafah berlaku apabila pengkaji akan meneliti panduan-panduan etika yang seharusnya dipatuhi oleh baginda semasa era Kesultanan Melayu Melaka. Ianya dikuatkan berdasarkan perbincangan sarjana yang terdiri daripada dua kelompok sains sosial dan kemanusiaan, iaitu golongan revolusioner dan golongan tradisional. Keduanya akan membuktikan sejauh mana panduan etika yang seharusnya ada zaman tersebut telah dicapai dan dipatuhi oleh sultan. Hal ini dikatakan demikian

¹⁴ Cheah Boon Kheng. 2014. The Rise and Fall of the Great Melakan Empire: Moral Judgement in Tun Bambang's "Sejarah Melayu". *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. **71**(2 (275)). 104 - 121.

kerana, segelintir masyarakat kita akan terus menghakimi sesuatu perbuatan sultan itu tanpa melihat sejauh manakah ketepatan maklumat masalah etika yang diperolehi berdasarkan perbincangan sarjana. Perkara ini bersangkutan paut dengan sebahagian pembaca terutama orang awam yang membandingkan etika Sultan Ahmad Syah itu dengan etika masa kini. Oleh itu, tidak hanya sumber primer seperti undang-undang Melaka harus dirujuk, panduan ini mesti berdasarkan kajian yang dilakukan sarjana berdasarkan pelbagai kajian mereka terdahulu.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini ialah bagi memudahkan akses pembacaan kepada kepelbagaian pandangan sarjana berkenaan etika Sultan Mahmud Syah. Jika dirujuk kepada kajian lain, sesebuah kajian dilihat terbahagi kepada dua, pertamanya golongan yang mengkritik, dan keduanya yang menjutifikasikannya. Jika wujud kajian yang bersifat untuk memaparkan dua sisi ini, kajiannya tidak tertumpu kepada Sultan Mahmud Syah, namun dikembangkan kepada sultan-sultan Melaka bahkan memasukkan berkenaan pembesar yang lain. Sebagaimana yang diketahui, meskipun tidak semua, kajian ini memiliki kumpulan beberapa pandangan sarjana. Namun, bagi memastikan kajian ini lebih kritis, beberapa pandangan sarjana yang dilihat tidak menepati disiplin dengan hujah bersifat falasi, atau pandangan yang tidak kuat berbanding pandangan pihak yang lain, akan dibincangkan secara ringkas oleh pengkaji. Ini bagi memastikan pengkaji memiliki pendirian sendiri berkenaan isu ini dan tidak pula hanya bersandarkan kepada koleksi pandangan sarjana yang telah dikumpulkan sahaja. Tindakan ini tidak lain adalah bagi menyahut galakkan penjanaan idea mandiri dalam kalangan pengkaji baru.

1.6 Skop Kajian

Skop bidang kajian ini adalah kajian sejarah berkenaan falsafah etika pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tumpuan sejarah berkenaan falsafah etika ini pula adalah kepada tumpuan kajian kes iaitu Sultan Mahmud Syah (1488 – 1511). Perbincangan yang teliti dilakukan oleh para saintis sains sosial dan kemanusiaan berkenaan permasalahan etika Sultan Mahmud Syah yang sering disandarkan kepada baginda. Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji dan memahami faktor-faktor kepada

pembentukan etika itu dan mengkaji pengaruh faktor itu sebagai satu perkaitan masyarakat untuk menerima sebarang permasalahan etika di zaman tersebut, terutama daripada Sultan Mahmud Syah. Tegasnya, skop bidang kajian ini penting memandangkan bidang kajian sejarah dalam membincangkan berkenaan falsafah etika berkenaan Melaka adalah terhad.

Skop masa kajian ini tertumpu kepada era kehidupan Sultan Mahmud Shah dari kecil sehingga wafatnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, permasalahan etika baginda itu tidak hanya berlaku semasa beliau ditabalkan sebagai sultan Melaka pada 1488 hingga 1511, namun sebelum pertabalan serta setelah kejatuhan kota Melaka itu sendiri. Perbincangan sarjana sains sosial dan kemanusiaan berkenaan hal ini juga meliputi dari kecil, misalnya dalam penglibatannya dalam membunuh manusia yang tidak bersalah sehingga kepada pembunuhan anaknya setelah jatuhnya Melaka di tangan Portugis.

Foto 1.1: Kawasan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka



Sumber:

https://www.newworldencyclopedia.org/p/index.php?title=Malacca_Sultanate&oldid=1013605 (2018).

Skop tempat kajian ini ialah pada Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang bertapak di Asia Tenggara atau Nusantara. Kajian ini tidak hanya menfokuskan kepada kota Melaka sahaja yang mengalami kejatuhannya pada 1511, tetapi lebih luas dari itu. Misalnya sehingga perbincangan yang menyentuh hingga ke Pahang melalui tindakan baginda yang menculik tunangan orang lain untuk dibawa ke Melaka. Kesannya sultan Pahang bersedih lalu menyendiri daripada orang lain. Tempat permasalahan etika juga tidak tertumpu pada kota Melaka kerana permasalahan etika Sultan Mahmud lain yang juga berkembang sehingga pernah berlaku di Johor. Misalnya berdasarkan peminangan baginda kepada Puteri Gunung Ledang yang dikaitkan juga sebagai salah satu permasalahan etika baginda. Maka, dengan banyaknya permasalahan lain yang tidak melibatkan tumpuan terhadap kota Melaka, kajian dilihat bersifat lebih terbuka yang merangkumi kawasan keseluruhan Kesultanan Melayu Melaka.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah jalan atau kaedah yang digunakan pengkaji bagi mendapatkan maklumat. Bagi mendapatkan hasil kajian yang sempurna, kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif. Antara fokus yang ingin dicapai berdasarkan kaedah tersebut ialah bagi mendapatkan sumber, yang terdiri daripada sumber primer dan sekunder. Tegasnya, antara penggunaan yang digunakan ialah kaedah penyelidikan kepustakaan dan temu bual.

1.7.1 Penyelidikan Kepustakaan

Kajian kepustakaan digunakan dalam mendapatkan pelbagai sumber seperti sumber primer dan sekunder. Perpustakaan yang menjadi tumpuan pengkaji ialah Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Perpustakaan Awam Cawangan Port Dickson. Sumber primer yang dijumpai ialah seperti *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang memiliki pelbagai versi sebagai rujukan utama bagi merujuk kisah-kisah etika baginda. Antara sumber primer lain ialah buku terbitan arkib negara. Ianya

mengumpulkan sumber-sumber catatan Portugis dalam *Portuguese Documents on Malacca from 1509 to 1511* yang memiliki kisah-kisah Sultan Mahmud Syah. Rujukan sekunder juga cukup banyak dalam memahami tafsiran yang pelbagai terhadap sumber-sumber primer yang telah ditemui sarjana misalnya Cheah Boon Kheng, Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin dan lain-lain. Artikel dan jurnal juga dapat diakses dalam pelbagai laman web misalnya *JSTOR*, *Jurnal Melayu*, *Jurnal Peradaban Melayu*, *Jurnal Kemanusiaan*, *Jurnal Tuah*, *Jurnal Jebat*, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, dan lain-lain.

1.7.2 Temu Bual

Seterusnya ialah kaedah temu bual, satu kaedah yang dipilih pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkenaan sesuatu maklumat. Temu bual telah dilakukan bersama seorang pakar yang memiliki kredibiliti yang tinggi secara lisan informal. Soalan-soalan yang dilontarkan pula ialah soalan yang berdasarkan objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. Dapatan ini dapat diperkirakan sebagai sumber sekunder berdasarkan seorang temubual, iaitu Azmi Arifin. Temu bual telah dijalankan secara Google Meet manakala sebarang maklumat yang diperolehi telah dicatat selepas rakaman video secara *live* dan terbuka di *Facebook*. Tujuan dilakukan secara dalam talian adalah bagi mengatasi masalah jarak antara pengkaji dan informan.

1.8 Pembahagian Bab

Pembahagian bab dilakukan bagi memastikan susunan bab yang dijalankan adalah tersusun dan menjawab kepada objektif kajian yang ingin dikaji. Umumnya, pengkaji telah memecahkan kajian ini kepada lima bab.

Bab Pertama mengandungi permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literatur, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, pembahagian bab dan diakhiri dengan kesimpulan. Bab kedua bertajuk 'Falsafah Etika Kesultanan Melayu